

PELAN TINDAKAN KHAS PENAMBAHBAIKAN RANGKAIAN LALUAN BASIKAL BANDAR KAMPAR



ISI KANDUNGAN

NO	PERKARA	M/S	NO	PERKARA	M/S
1.0	Pengenalan	01	13.0	Profil Tapak Projek	18
2.0	Penyediaan Laluan Basikal Dalam Konteks Pembangunan Nasional, Negeri Dan Tempatan	02	14.0	Penambahbaikkan Cadangan Laluan Basikal Baru	21
3.0	Matlamat, Objektif Dan Skop Projek	03	15.0	Pelan Konseptual Keseluruhan Pelan Induk Laluan Basikal Kampar	22
4.0	Pelan Induk Laluan Basikal Di Bandar Kampar	04			
5.0	Cabaran Dan Isu	06	16.0	Analisis Dan Cadangan Jalan Anggerik (1A)	23
6.0	Penanda Aras / Benchmarking	07	17.0	Analisis Dan Cadangan Jalan Terminal 1 (1B)	28
7.0	Latar Belakang Dan Kriteria Pemilihan Projek	11	18.0	Analisis Dan Cadangan Jalan Ampang (1C)	34
8.0	Pelan Kunci, Pelan Lokasi & Pelan Tapak	12	19.0	Analisis Dan Cadangan Jalan Idris (1D)	39
9.0	Kronologi Pemilihan Projek	13	20.0	Gambaran 3D Reka Bentuk Pit Stop	45
10.0	Peringkat Perancangan Cadangan Laluan	15	21.0	Gambaran 3D Laluan Basikal	49
11.0	Penentuan Keadaan Tapak Projek	16	22.0	Anggaran Kos Pelaksanaan Projek	52
12.0	Pelan Kunci, Pelan Lokasi & Pelan Tapak Projek	17	23.0	Pembentangan Akhir Draf PTK Di Majlis Daerah Kampar	56


1.0 PENGENALAN

Penggunaan laluan basikal sebagai pilihan pengangkutan sihat di bandar dapat memberi manfaat yang besar kepada kesihatan individu dan alam sekitar, sambil juga membantu mengurangkan masalah trafik dan tekanan bandar. Inisiatif yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan dalam perancangan dan pembangunan penyediaan laluan basikal yang menyeluruh membantu mod alternatif pengangkutan kepada pengguna. Laluan basikal ini memainkan peranan penting dalam mempromosikan mobiliti rendah karbon, menggalakkan gaya hidup aktif, dan mengintegrasikan kawasan bandar dengan lebih komprehensif.

1.1 Pelan Tindakan Khas (PTK) Laluan Basikal Di Bandar Kampar

Laluan basikal yang bersepadu di kawasan bandar menawarkan orang ramai menikmati pengalaman yang lebih menyeronokkan dan selamat semasa mereka berbasikal untuk keperluan harian mereka. Ini juga peluang untuk menarik lebih ramai pelancong ke Bandar Kampar untuk diterokai sambil menunggang basikal dengan selamat.

Pelan Tindakan Khas (PTK) disediakan untuk membantu Majlis Daerah Kampar peringkat penyediaan dokumen. PTK ialah perancangan di peringkat ke empat cadangan pembangunan. Cadangan ini selaras dengan penetapan di dalam Rancangan Daerah Kampar 2030 serta keperluan semasa setempat. Majlis Daerah Kampar telah mengambil inisiatif menawarkan kemudahan laluan basikal di sebahagian Bandar Kampar.



2.0 PENYEDIAAN LALUAN BASIKAL DALAM KONTEKS PEMBANGUNAN NASIONAL, NEGERI DAN TEMPATAN

RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KEEMPAT (RFN4)

Teras 3: Persekitaran Berdaya Huni Dan Komuniti Inklusif.

Tindakan KI 3.1B: Menyediakan rangkaian pejalan kaki dan basikal yang menyeluruh untuk kemudahan komuniti.

DASAR PERBANDARAN NEGARA DUA (DPN2)

Objektif 5.2: Penggunaan Tenaga Yang Lebih Efisien Dan Mampan.

Strategi 5.2.4: Pembangunan Mobiliti Bandar Yang Berorientasikan Pejalan Kaki, Berbasikal dan Pengangkutan Awam.

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PERAK 2040

Teras 3: Penyediaan Kemudahsampaian Tinggi Dan Infrastruktur Efisien.



Dasar Perancangan 19 (RSA 19.1): Menyediakan Langkah- Langkah Penggalakan Amalan Berbasikal dan Berjalan Kaki di Bandar.

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KAMPAR 2030

Halatuju 6:

H6-T6: Cadangan Laluan Basikal Yang Menghubungkan Bandar Kampar, Bandar Baru Kampar Dan Bandar Kampar 2.

H6-T7: Cadangan Laluan Basikal Bandar Baru Kampar.



3.0 MATLAMAT, OBJEKTIF DAN SKOP PROJEK

MATLAMAT PROJEK:

Menyediakan Kemudahan Laluan Basikal yang komprehensif, selamat, selesa, bersambungan (*interconnected*), mudah sampai (*accessible*) dan mesra pengguna.

OBJEKTIF PROJEK:

- i. Menyediakan asas dan justifikasi projek untuk permohonan peruntukan pembangunan bagi pelaksanaan oleh PBT;
- ii. Menentukan sambungan laluan basikal; dan
- iii. Menyediakan kemudahan komponen sokongan laluan basikal (*universal design*).


SKOP PROJEK:

- i. Menilai keberkesanan penyediaan laluan basikal sedia ada dan (*Benchmarking*);
- ii. Mengenalpasti kawasan tumpuan di Kawasan kejiranan dan Pusat Bandar Kampar; dan
- iii. Menyediakan sambungan jaringan dan reka bentuk laluan basikal yang menyeluruh beserta anggaran kos pelaksanaan.



4.0 PELAN INDUK LALUAN BASIKAL DI BANDAR KAMPAR

Pelan Induk Laluan Basikal Bandar Kampar telah disediakan oleh Pihak Majlis Daerah Kampar. Penyediaan Pelan Induk Basikal di Bandar ini telah menghubungkan kawasan perumahan, komersial, kemudahan awam, kawasan rekreasi dan institusi-institusi pendidikan.



4.1 Penerima Anugerah Kejiranan Hijau 2021

Majlis Daerah Kampar menerima Anugerah Kejiranan Hijau 2021 bagi Kategori Pihak Berkuasa Tempatan dalam Penyediaan Laluan Basikal .



JARAK LALUAN

Laluan Sedia Ada	Pembangunan Laluan Baru	Jumlah Keseluruhan Laluan Yang Di Siapkan
19,668.5 METER	1,670 METER	21,338.5 METER



KATEGORI
PIHAK BERKUASA TEMPATAN
MAJLIS DAERAH KAMPAR



PLANMalaysia
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa



5.0 CABARAN DAN ISU

1

Konsistensi dan komitmen Majlis Daerah Kampar bagi tujuan selenggara kemudahan Laluan Basikal. Menyediakan peruntukan berkala /tahunan




2

Meningkatkan tahap kesedaran pengguna supaya menggunakan kemudahan laluan basikal yang disediakan sebaiknya.



3

Merancang dan menentukan pemilihan terbaik rangkaian laluan kerana melibatkan jalan persekutuan (seliaan pihak JKR) yang perlu dielakkan supaya kemudahan laluan basikal lebih berdaya laksana (seliaan pihak PBT sepenuhnya)



5

Haiwan ternakan tidak terkawal (Lembu/kerbau) yang mengotori sebahagian laluan basikal dengan najis. Tindakan penguatkuasaan sentiasa diadakan dari masa ke semasa tetapi tiada kepatuhan dari penternak secara total.




4

Kesinambungan laluan di kawasan pembangunan yang belum dibina dan lengkap sepenuhnya walaupun telah mendapat kelulusan dari PBT. Pemaju membangunkan kawasan tersebut secara berfasa dengan beberapa pindaan cadangan pembangunan dan memberi kesan terhadap penyediaan laluan basikal yang konsisten dan lengkap.



6.0 PENANDA ARAS / BENCHMARKING

Penanda aras adalah penting untuk menentukan hala tuju penyediaan perancangan projek di mana contoh-contoh terbaik boleh dijadikan asas dan rujukan sebelum melaksanakan projek. Pejabat Projek Zon Tengah telah membuat lawatan ke Perbadanan Putrajaya (PPj) sebagai penanda aras yang mempunyai rangkaian basikal sistematik dan efisien serta bersesuaian dijadikan rujukan bagi penyediaan kemudahan laluan basikal. Berikut adalah Taklimat dan Lawatan Tapak Penyediaan Laluan Basikal di Putrajaya.



6.1 Komponen Infrastruktur Di *Putrajaya Cycling Route*



Pit Stop Anjung Floria Putrajaya



Pit Stop Anjung Pusat Rekreasi Air / Self Repair Station



Rack Basikal



Tempat Bergambar

Peta Laluan / Infografik Laluan Basikal Putrajaya



6.2 Aplikasi My Putrajaya Bike

Perbadanan Putrajaya menyediakan aplikasi My Putrajaya Bike sebagai panduan dan petunjuk arah untuk pengguna basikal di Putrajaya. Antara ciri-ciri di dalam aplikasi tersebut adalah:-

- Peta Laluan Basikal
- Aktiviti Pengumpulan Lencana (Kod QR) setiap Kawasan Pit Stop.
- Galeri Gambar


Perbadanan Putrajaya sedang dalam proses menaik taraf aplikasi ini menggunakan platform mobile aps yang lebih mesra pengguna. Berdasarkan penilaian Perbadanan Putrajaya, pengalaman pengguna merupakan agen yang terbaik dalam mempromosikan 'Putrajaya Cycling Route'.

PUTRAJAYA CYCLING ROUTE

Sebagai bandar rekreasi yang mesra basikal, sepanjang 180km laluan berbasikal telah disediakan meliputi 8 laluan yang telah dikenalpasti dengan 3 tahap kesusahan iaitu easy, moderate dan endurance.

Laluan basikal ini meliputi kawasan bangunan ikonik, taman-taman dan juga tempat tarikan menarik di Putrajaya. Pilih laluan dan enjoy the ride!

https://mpb.ppj.gov.my/mpb_web/



KUMPUL BADGES MYPUTRAJA BIKE YANG UNIK DAN MENARIK UNTUK KOLEKSI ANDA!



6.3 Rumusan Perbincangan Bersama Perbadanan Putrajaya

BIL	PERKARA	BUTIRAN
1	KOS PENYELENGGARAAN SETIAP 1KM	RM 17,820.00 <i>* Laluan Basikal di Perbadanan Putrajaya adalah sepanjang 180 KM</i>
2	KOS PENYELENGGARAAN SETAHUN - 1 Tahun – 1 Kali	Perbadanan Putrajaya menyediakan peruntukan secara L/S RM 1,000,000.00. Peruntukan ini digunakan mengikut keutamaan selenggara dan tahap pembaikan secara khusus
3	PENYELENGGARAAN	Kesediaan kemudahan sokongan seperti Repair Kit Basikal.
4	TEMPOH KEKERAPAN CAT	1 Tahun (Bergantung kepada tahap kepudaran cat dan peruntukan)
5	KOS KESELURUHAN PENYEDIAAN LALUAN BASIKAL (CAT SAHAJA)	RM 3,207,600.00
6	BILANGAN PENGGUNA BASIKAL	Pengguna Basikal (Purata) Hari Biasa : 321 Hari Sabtu Ahad dan Cuti Umum : 1021
7	KEMUDAHAN SOKONGAN	Tempat Mandi 7 Unit Surau 6 Unit Medan Selera / Ruang Rehat 7 Unit Tandas 7 Unit Tempat Letak Kenderaan 7 Unit Repair Kit Basikal 7 Unit
8	ANTARA KELAB BERBASIKAL YANG MENGGUNAKAN LALUAN DI PUTRAJAYA	TRYKE, Kelab Berbasikal Pinky Women Riders, Royal Malaysian Customs, Cycling Club Putrajaya, Taman Wilayah Cycling, Putrajaya Cycling Club, South Puchong Cycling Club, Kelab Basikal Perbendaharaan, Bike with Elena

7.0 LATAR BELAKANG DAN KRITERIA PEMILIHAN PROJEK

Projek ini bermula dari sesi perbincangan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Pejabat Projek Zon Tengah Bersama Yang Dipertua, Setiausaha dan Ketua - Ketua Jabatan berkaitan di Majlis Daerah Kampar pada 31 Mei 2023. Di dalam sesi perbincangan awal tersebut, pemilihan projek telah diputuskan dan dipersetujui adalah Cadangan Penambahbaikan Laluan Basikal di Bandar Kampar sebagai lokasi tapak projek.

Majlis Daerah Kampar mempunyai Pelan Induk Rangkaian Laluan Basikal Bandar Kampar telah mencadangkan kepada PPZT untuk membuat penambahbaikan terhadap Rangkaian Laluan Basikal tersebut. Lokasi yang dipilih berada di cadangan laluan baru yang menghubungkan laluan basikal sedia ada di Jalan Batu Sinar melalui Jalan Anggerik – Jalan Terminal Kampar 1 – Jalan Ampang dan berakhir di Jalan Idris sepanjang 2.65 Kilometer.

Projek yang dikenal pasti adalah berdaya laksana dan mempunyai punca kuasa yang jelas di dalam Rancangan Tempatan Daerah Kampar 2030 sebagaimana ciri berikut:

- Telah mendapat komitmen / persetujuan dari Pihak Majlis Daerah Kampar;
- Majlis Daerah Kampar telah mempunyai Pelan Induk Basikal
- Projek mudah dan tidak kompleks (menyelesaikan isu semasa yang memerlukan penyelesaian segera);
- Boleh dilaksanakan dengan segera sekiranya tapak dan reka bentuk telah dikenal pasti; dan
- Mengambil kira keperluan komuniti.



8.0 PELAN KUNCI, PELAN LOKASI & PELAN TAPAK



PELAN KUNCI

9.0 KRONOLOGI PEMILIHAN PROJEK

9.1 Lawatan Tapak – 22 Mac 2023

Sesi lawatan tapak telah diadakan pada 22 Mac 2023 bagi membuat tinjauan dan pemerhatian awal berkenaan Pelan Induk Rangkaian Laluan Basikal Bandar Kampar.



Penggunaan basikal di laluan basikal sedia ada.



Laluan Basikal sedia ada di Kampar



Laluan basikal sedia ada di Kawasan Taman Perumahan.




Laluan basikal sedia ada di Kawasan Perniagaan.

9.2 Perbincangan Bersama Jabatan Perancangan Dan Pembangunan Majlis Daerah Kampar Pada 6 April 2023

Sesi Perbincangan Bersama Jabatan Perancang dan Pembangunan Majlis Daerah Kampar Berkenaan Pelan Tindakan Khas (Bandar) Penambahbaikan Rangkaian Laluan Basikal Di Bandar Kampar.



9.3 Justifikasi Penentuan Cadangan Laluan Basikal



- Majlis Daerah Kampar menentukan pemilihan cadangan laluan berdasarkan peranan sebagai PBT yang lebih berpengalaman dan arif kehendak masyarakat setempat di kawasan pentadbirannya.
- Input berterusan daripada wakil pemimpin dan penduduk setempat melalui saluran rasmi dan tidak rasmi
- Penghubung pekan lama Kampar dan kawasan pembangunan baru (bersambung di Jalan Batu Sinar).
- Komitmen berterusan Majlis Daerah Kampar sebagai PBT yang melengkapi keperluan pelbagai lapisan sosial masyarakat dan kesejahteraan bandar.
- Menambah nilai fungsi kawasan lapang (*pocket park* Taman Jepun dan Taman Sentosa) sebagai *pit stop* mini infra pengguna basikal. Kawasan teduhan / Landskap berfungsi dengan lebih optimum dan mesra pengguna basikal
- Memupuk kesedaran pengguna jalan raya berkongsi kemudahan jalan raya bersama-sama khususnya di kawasan tumpuan. Contoh kawasan pasar (Jln. Ampang dan Pekan lama Kampar (Jln. Idris).

SESI PERBINCANGAN BERSAMA YANG DIPERTUA,
SETIAUSAHA DAN KETUA - KETUA JABATAN MAJLIS
DAERAH KAMPAR PADA 31 MEI 2023 BAGI PENENTUAN
PEMILIHAN **CADANGAN 2** LALUAN BASIKAL



10.0 PERINGKAT PERANCANGAN CADANGAN LALUAN

10.1 Lawatan Tapak Dan Pengumpulan Maklumat Pada 21- 22 Jun 2023

Sesi lawatan tapak telah diadakan pada 21- 22 Jun 2023 bagi pengumpulan maklumat dan juga keadaan semasa di tapak berkenaan Cadangan Laluan Basikal Baru di Bandar Kampar.



Pengumpulan maklumat keadaan semasa tapak.



Pengumpulan maklumat keadaan semasa tapak.



Pengumpulan maklumat dan pemerhatian di tapak.



Pengumpulan maklumat dan pemerhatian di tapak.

10.2 Lawatan Tapak Dan Pengumpulan Maklumat (Dron) Pada 5 Julai 2023

Sesi lawatan tapak telah diadakan bersama pihak Majlis Daerah Kampar pada 5 Julai 2023 bagi pengumpulan maklumat dari udara (Dron) berkenaan Cadangan Laluan Basikal Baru di Bandar Kampar.



Persiapan bagi Pengumpulan maklumat dari udara (Dron).



Pengumpulan maklumat dari udara (Dron) di Jalan Idris.



Pengumpulan maklumat dari udara (Dron) di sekitar bandar.




Pengumpulan maklumat dari udara (Dron) di Jalan Anggerik.

11.0 PENENTUAN KEADAAN TAPAK PROJEK



12.0 PELAN KUNCI, PELAN LOKASI & PELAN KAWASAN TAPAK PROJEK





13.0 PROFIL TAPAK PROJEK

Tapak projek terletak di bandar Kampar merupakan bandar utama bagi Daerah Kampar. Terdapat banyak Kawasan tumpuan orang ramai iaitu Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Hospital Kampar, Stesen KTM Kampar, Pasar Awam Kampar Terminal 1 @Kampar, Terminal Kampar Putra dan lain-lain Kawasan tumpuan orang ramai. Berikut profil tapak projek bagi Cadangan Laluan Basikal:-

► PANJANG JALAN – 2.65 KM

► Jalan Anggerik : 734.39 Meter | ► Jalan Terminal Kampar 1 : 293.21 Meter

► Jalan Ampang : 507.86 Meter | ► Jalan Idris : 603.92 Meter



► Jalan 2 – Jalan Masjid – Jalan Idris : 507.86 Meter

► 3 TAMAN AWAM – Taman Sentosa (Jln. Anggerik), Taman Rekreasi Kampar (Jln. 2) & Taman Jepun (Jln. Idris)

PENDUDUK DAERAH KAMPAR	JUMLAH PENDUDUK	KATEGORI UMUR PENDUDUK	JUMLAH UMUR
Jumlah Penduduk	98,732 Penduduk	Umur Bekerja	68,619 Penduduk
Lelaki	50,550 penduduk	Umur Muda	19,154 Penduduk
Perempuan	48,182 Penduduk	Umur Tua	10,959 Penduduk

Sumber : DOSM 2020

Sumber : DOSM 2020



UTARA



GAMBAR DRON DI JALAN ANGERIK



UTARA




GAMBAR DRON DI JALAN TERMINAL KAMPAR 1



UTARA




GAMBAR DRON DI
JALAN AMPANG – JALAN 2 – JALAN MASJID




UTARA



GAMBAR DRON DI JALAN IDRIS




14.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN LALUAN BASIKAL BARU




15.0 PELAN KONSEPTUAL KESELURUHAN PELAN INDUK LALUAN BASIKAL KAMPAR

PETUNJUK




Perumahan



Komersial



Industri



Institusi &
Kemudahan Masyarakat



Jalan Persekutuan 1



Saliran & Perparitan



Rel Kereta Api



Laluan Basikal Siada Ada



Cadangan Laluan Basikal



Penambahbaikan Cadangan Laluan
Basikal Baru



16.0

ANALISIS DAN CADANGAN

JALAN ANGGERIK

(1A)



16.1 Keadaan Semasa Tapak – Jalan Anggerik


PANJANG JALAN ANGGERIK – 734.39 METER

LALUAN – DUA HALA

KEMUDAHAN BERHAMPIRAN :-

- 1 Rumah Kedai Taman Bandar Baru
- 2 Rumah Orang Tua
- 3 Surau Taman Sentosa
- 4 Kawasan Lapang Taman Sentosa
- 5 Medan Sentosa (Gerai Makan)
- 6 Rumah Kedai Taman Tiara
- 7 Rumah Kedai Taman Angkasa

i KERATAN RENTAS KEADAAN SEMASA JALAN ANGGERIK



Persimpangan antara Jln. Batu Sinar dan Jln. Anggerik



Jalan Anggerik



Jalan Anggerik



Jalan Anggerik Ke Bulatan Sentosa





Jalan Anggerik Ke Jalan Terminal Kampar 1

16.2 Lakaran Dan Idea Pelan Konsep 1 – Jalan Anggerik – Pitstop 1 Taman Sentosa



16.3 Pelan Konsepual 1(A)



Ilustrasi Laluan Basikal Dua Hala



Ilustrasi Laluan Basikal




Ilustrasi Persimpangan Laluan Basikal



Pit Stop



Papan Tanda Basikal



Tempat Letak Basikal

16.4 Pelan Cadangan Susun Atur Laluan Basikal 1(A)

UTARA

Tempat Letak Basikal

Papan Tanda Basikal



Laluan Basikal

Pit Stop

PETUNJUK

- Jalan
- Laluan Basikal (Utara) 490M
- Laluan Basikal (Selatan) 486M

- Papan Tanda
- Tempat Letak Basikal
- Pit Stop

PETUNJUK PIT STOP

- Luas Lantai = 77.6m2
- Bangku = 3
- Bicycle Bike Repair = 1

- Papan Informasi = 1
- Tempat Letak Basikal = 5
- Water Dispenser = 1
- Trash Bin = 2

17.0

ANALISIS DAN CADANGAN JALAN TERMINAL 1 (1B)



17.1 Keadaan Semasa Tapak – Jalan Terminal Kampar 1



PANJANG JALAN TERMINAL KAMPAR 1 – 293.21 METER

LALUAN – DUA HALA


KEMUDAHAN BERHAMPIRAN :-

- 1 Terminal Bas Kampar (Bas Inter-City)
- 2 Hentian Teksi Kampar
- 3 Tempat Letak Kenderaan Bertingkat
- 4 Rumah Kedai Terminal Kampar 1


**i KERATAN RENTAS KEADAAN SEMASA JALAN
TERMINAL KAMPAR 1**



17.2 Pelan Konseptual 1(B)



UTARA



17.4 Lakaran Dan Idea Pelan Konsep 1(B) – Jalan 2 – Pitstop 2 Taman Rekreasi Kampar

PETUNJUK

-  Laluan Basikal
-  Pit Stop

17.5 Pelan Cadangan Susun Atur Laluan Basikal 1(B)



PETUNJUK

- Jalan
- Laluan Basikal (Utara) 712M
- Laluan Basikal (Selatan) 700M

- Papan Tanda
- Cat Penanda Laluan Basikal
- Pit Stop

PETUNJUK PIT STOP

- Luas Lantai = 85.1m2
- Bangku = 3
- Bicycle Bike Repair = 1

Tempat Letak Basikal

- Papan Informasi = 1
- Tempat Letak Basikal = 5
- Water Dispenser = 1
- Trash Bin = 3

18.0

ANALISIS DAN CADANGAN

JALAN AMPANG

(1C)



18.1 Keadaan Semasa Tapak – Jalan Ampang


PANJANG JALAN AMPANG – 468.78 METER

LALUAN – SEHALA

KEMUDAHAN BERHAMPIRAN :-

- 1 Pasar Basah Kampar
- 2 Rumah Kedai Terminal Kampar 1
- 3 Pasar Menjual Babi
- 4 Tempat Letak Kenderaan Awam Berpusat
- 5 Tandas Awam
- 6 Pusat Penjaja Kampar
- 7 Rumah Kedai Jalan Ampang
- 8 Taman Rekreasi Kampar

i KERATAN RENTAS KEADAAN SEMASA JALAN AMPANG



18.2 Keadaan Semasa Tapak Jalan 2 – Jalan Masjid – Jalan Idris

PANJANG JALAN 2 – JALAN MASJID – JALAN IDRIS


ADALAH : 507.86 METER

LALUAN – DUA HALA

KEMUDAHAN BERHAMPIRAN :-

- 1 Pasar Basah Kampar
- 2 Taman Rekreasi Kampar
- 3 Sekolah Kebangsaan Kampar
- 4 Tempat Letak Kenderaan Awam Berpusat
- 5 Tandas Awam
- 6 Rumah Pangsapuri
- 7 Rumah Kedai Jalan Masjid
- 8 Rumah Kedai Jalan Idris

Pelan Lokasi



PETUNJUK

- Cadangan Laluan Basikal
- Sambungan Cadangan Laluan Basikal
- Cadangan Laluan Basikal Masa Depan



Pasar Awam Kampar



Taman Rekreasi Kampar



Jalan 2




Jalan 2



Antara Jalan 2 dan Jalan Masjid




Jalan Masjid





Jalan Idris

18.3 Pelan Konseptual 1(C)



Cat Penanda Laluan Basikal



PETUNJUK

-  Laluan Basikal
-  Jalan Raya
-  Tempat Letak Basikal


Cat Penanda Laluan Basikal Tempat Letak Basikal

18.4 Pelan Cadangan Susun Atur Laluan Basikal 1(C)

UTARA



Cat Penanda Laluan Basikal



Laluan Basikal



PETUNJUK



Jalan



Laluan Basikal (Utara) 369M



Laluan Basikal (Selatan) 432M



Papan Tanda



Tempat Letak Basikal

Jalan Masjid

Jalan Ampang

Jalan Idris

Jalan Tokong



Tempat Letak Basikal

19.0

ANALISIS DAN CADANGAN

JALAN IDRIS

(1D)

19.1 Keadaan Semasa Tapak –Jalan Idris


PANJANG JALAN IDRIS ADALAH : 507.86 METER

LALUAN – SEHALA


KEMUDAHAN BERHAMPIRAN :-

- 1 Taman Jepun
- 2 Taman Muhibbah
- 3 Ilham Seni
- 4 Pekan Lama Kampar

i KERATAN RENTAS KEADAAN SEMASA JALAN IDRIS



Pelan Lokasi




PETUNJUK

- Cadangan Laluan Basikal
- Sambungan Cadangan Laluan Basikal
- Cadangan Laluan Basikal Masa Depan




19.2 Pelan Konseptual 1(D)

Pelan Lokasi




Ilustrasi Laluan Basikal



Tempat Letak Basikal




Cat Penanda Laluan Basikal




PETUNJUK

-  Laluan Basikal
-  Jalan Raya
-  Tempat Letak Basikal
-  Cat Penanda Laluan Basikal
-  Pit Stop



Ilustrasi Pit Stop di Taman Jepun

19.3 Lakaran dan Idea Pelan Konsep 2 – Jalan Idris - Pitstop 3 Taman Jepun





19.4 Pelan Cadangan Susun Atur Laluan Basikal 1(D)

Tempat Letak Basikal

Papan Tanda Basikal

Pit Stop



Laluan Basikal

PETUNJUK

-  Jalan
-  Laluan Basikal (Utara) 554M
-  Laluan Basikal (Selatan) 548M

-  Papan Tanda
-  Tempat Letak Basikal
-  Pit Stop


PETUNJUK PIT STOP

- Luas Lantai = 45.2m2
- Bangku = 1
- Bicycle Bike Repair = 1

- Papan Informasi = 1
- Tempat Letak Basikal = 5
- Water Dispenser = 1
- Trash Bin = 2

19.5 Justifikasi Pemilihan Reka Bentuk Dan Material Kemudahan Sokongan Laluan Basikal

TEMPAT LETAK BASIKAL



Reka bentuk yang ringkas

Material Besi lebih berdaya tahan dalam kondisi cuaca

Material Besi yang di integrasi dengan jalan


Cadangan di letakkan setiap Lot hujung deretan Rumah Kedai sepanjang Laluan cadangan.

CAD PENANDA LALUAN BASIKAL

Menggunakan *standard* rekabentuk penanda laluan basikal.

Lokasi cat penanda di sepanjang laluan basikal

Menggunakan Material *Thermoplastic*



20.0

GAMBARAN 3D REKA BENTUK

PIT STOP





20.2 Gambaran 3D Reka Bentuk *Pit Stop*
Taman Rekreasi Kampar








20.3 Gambaran 3D Reka Bentuk *Pit Stop* Taman Jepun




21.0

GAMBARAN 3D LALUAN BASIKAL



21.2 Ilustrasi Cadangan Road Cycling Map Kampar



PETUNJUK

-  LALUAN BASIKAL KAMPAR
-  CADANGAN LALUAN BASIKAL
-  CADANGAN PIT STOP

22.0

ANGGARAN KOS PROJEK

22.1 ANGGARAN KOS PELAKSANAAN PROJEK

BIL.	PERKARA	UNIT	HARGA RM	JUMLAH (RM)
A	KERJA AWALAN			
1.	Kerja Awalan dan Kerja Ukur	-	75,000.00	75,000.00
2.	Kerja Pembersihan Tapak	-	75,000.00	75,000.00
	JUMLAH KECIL			150,000.00
B	KOMPONEN CADANGAN			
1.	Kerja Mengecat Penyediaan Garisan Jalan Laluan Basikal (Putus-Putus) 1 Hala (Utara) (0.1m Lebar X 2125m Panjang X 2 Garisan)	425 m2	19.80	8,415.00
2.	Kerja Mengecat Penyediaan Garisan Jalan Laluan Basikal (Putus-Putus) 1 Hala (Selatan) (0.1m Lebar X 2166m Panjang X 2 Garisan)	433.2 m2	19.80	8,577.36
3.	Kawasan B (Perak) Kadar Upah Buruh 3 Orang X 6 Hari	1 Hari	80.00	1,440.00
4.	Kawasan B (Perak) - Kadar Tukang Cat 3 Orang x 6 Hari	1 Hari	100.00	1,800.00
5.	Pembekalan Perabot Jalan Papan Tanda Basikal	19 Unit	300.00	5,700.00
6.	Pembekalan Perabot Jalan Tempat Letak Basikal	33 Unit	500.00	16,500.00
7.	Imprint Road Marking Basikal atas Tar	34 Unit	50.00	1,700.00
8.	Concrete Imprint (Cetakan Konkrit)	208.1 m2	15.00	3,121.50
9.	Pembekalan Repair Kit	3 Unit	750.00	2,250.00
10.	Pokok Teduhan Gardenia carinata (Cempaka hutan) Fragrea fragrans (Tembusu) Tinggi 2 Meter)	21 Unit	300.00	6,300.00
11.	Pokok Hiasan Pisonia grandis (Mengkudu Siam)	12 Unit	80.00	960.00
12.	Pembekalan Pagar Penghalang	18 Unit	500.00	9,000.00
13.	Kerusi Rekreasi	8 Unit	500.00	4,000.00
14.	Water reticulation L/S	3 Unit	3,500.00	10,500.00

BIL.	PERKARA	UNIT	HARGA RM	JUMLAH (RM)
B	...SAMBUNGAN KOMPONEN CADANGAN			
15.	Pemasangan Lampu Taman Solar Panel Lamp Pole (Tinggi 10 Meter)	6 Unit	1,500.00	9,000.00
16.	Rubbish Bin	6 Unit	100.00	600.00
17.	Drainage L/S	3 Unit	3,000.00	9,000.00
18.	Papan Tanda Maklumat	3 Unit	1,200.00	3,600.00
19.	Mesin Water Cooler (Outdoor)	3 Unit	2,500.00	7,500.00
20.	Papan Informasi	3 Unit	3,000.00	9,000.00
21.	Papan Tanda Tempat Letak Basikal	33 Unit	550.00	18,150.00
22.	Cat's Eye Road Lighting	480 Unit	50.00	24,000.00
JUMLAH KECIL				161,113.86
C	KOS PENYELENGARAAN 1 TAHUN			
1.	Kerja Mengecat Penyediaan Garisan Jalan Laluan Basikal (Putus-Putus) 1 Hala (Utara) (0.1m Lebar X 2125m Panjang X 2 Garisan)	425 m2	19.80	8,415.00
2.	Kerja Mengecat Penyediaan Garisan Jalan Laluan Basikal (Putus-Putus) 1 Hala (Selatan) (0.1m Lebar X 2166m Panjang X 2 Garisan)	433.2 m2	19.80	8,577.36
3.	Kawasan B (Perak) Kadar Upah Buruh 3 Orang X 6 Hari	1 Hari	80.00	1,440.00
4.	Kawasan B (Perak) - Kadar Tukang Cat 3 Orang X 6 Hari	1 Hari	100.00	1,800.00
5.	Imprint Road Marking Basikal atas Tar	34 Unit	80.00	2,720.00
JUMLAH KECIL				22,952.36
JUMLAH (A+B+C)				334,066.22

22.2 Rujukan Anggaran Kos Pelaksanaan Projek

MAJLIS DAERAH KAMPAR



RUJUKAN JADUAL KADAR KERJA
KEJURUTERAAN KERJA AWAM DAN
BANGUNAN TAHUN 2023 JKR MALAYSIA



23.0 PEMBENTANGAN AKHIR DRAF PTK DI MAJLIS DAERAH KAMPAR

Pembentangan telah diadakan pada 15 November 2023 di Majlis Daerah Kampar di Mesyuarat Jawatankuasa Tujuan-Tujuan Am Bil. 10/2023 yang dihadiri oleh Ahli Majlis dan pengurusan Majlis Daerah Kampar.

Majlis Daerah Kampar bersetuju menerima maklum Pelan Tindakan Khas (Bandar) ini. Dokumen ini atau sebahagiannya boleh dijadikan asas dalam memohon peruntukan supaya ianya dapat direalisasikan.



Sila Imbas QR Code Bagi Capaian Video
Illustrasi Cadangan Laluan Basikal di Bandar Kampar



**PEJABAT PROJEK ZON TENGAH,
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA**
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Blok F5, Kompleks F, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62675 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8091 000



A watercolor illustration of a park scene. In the foreground, a person with a backpack is riding a bicycle on a paved path. To the left, there is a blue circular sign with a white bicycle symbol. The path is bordered by a blue metal fence. In the background, there are green trees, a playground with red equipment, and a body of water. The overall style is artistic and soft, with a light blue sky and green foliage.

TERIMA KASIH

**PEJABAT PROJEK ZON TENGAH,
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA**
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Blok F5, Kompleks F, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62675 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8091 000

